

Untuk edaran segera

KOMUNITI MENERAJUI TRANSFORMASI PERUMAHAN AWAM MELALUI GERAN KOMUNITI K2K OLEH THINK CITY

Inisiatif bakal membawa transformasi di 10 perumahan awam, berpotensi untuk memanfaatkan 50,000 penduduk

Kuala Lumpur, 6 Mac 2024 – Think City, sebuah organisasi impak utama dalam peremajaan bandar, mengumumkan pelancaran Geran Komuniti K2K, sebuah program geran dirangka untuk memperkasa komuniti di perumahan awam lalu mentransformasi kedaya hunian dan ruang gunasama komuniti. Inisiatif ini merupakan antara komponen utama dalam usaha meningkatkan kedaya tahan dan kemampuan bandar dan persekitarannya.

Sepanjang dekad yang lalu, Think City telah bekerjasama dengan pelbagai komuniti di seluruh negara untuk membangunkan pemahaman serta kepakaran dengan lebih mendalam bagi menangani kekangan taraf hidup yang dihadapi komuniti perumahan awam di Malaysia. Oleh itu, program Kita-untuk-Kita (K2K) telah dibangunkan sebagai inisiatif pelaburan awam untuk mempertingkatkan pembangunan sosial dan pembinaan kapasiti komuniti justeru menangani cabaran daya huni komuniti perumahan awam.

Dilancarkan pada April 2023 oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, K2K telah dilaksanakan di 10 projek perumahan awam terpilih di Kuala Lumpur dan Selangor. Secara asas, salah satu usaha K2K merangkumi inisiatif geran yang dipacu oleh komuniti perumahan awam, dikenali sebagai Geran Komuniti K2K. Dengan sokongan Kementerian Kewangan melalui peruntukan Belanjawan Negara, geran ini bertindak sebagai pemangkin penting untuk memupuk transformasi yang diterajui oleh komuniti.

Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City menekankan kepentingan pemerksaan komuniti di perumahan awam, berkata "Kami di Think City berpendapat bahawa kedaya hunian sesebuah perumahan awam terletak kepada penyertaan serta sumbangan komunitinya sendiri. Menerusi Geran Komuniti K2K, kami memperjuangkan pendekatan bawah-atas (*bottom-up*) di mana usaha-usaha sebagaimana kecil mampu membawa transformasi yang ketara, sekaligus mebawa kesan positif. Kami teruja untuk menyaksikan solusi inovatif yang bakal terhasil daripada inisiatif ini serta terus menghilangkan perubahan di masa akan datang."

Geran Komuniti K2K menggalakkan kerjasama dan kolaborasi antara para penduduk setempat untuk melibatkan diri dalam tindakan kolektif dan pelbagai aktiviti bersama, meningkatkan silaturahim dan menangani cabaran kehidupan perumahan awam. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk di 10 tapak yang ditetapkan di Kuala Lumpur dan Selangor, iaitu PA Seri Selangor, PA Seri Sarawak, PA Hang Tuah, PPR Seri Cempaka, PA Seri Kota, PPR Taman Mulia, PA Seri Sabah 3A, PPR Desa Tun Razak, PPR Kampung Baru HICOM dan PPR Lembah Subang 1.

Geran ini menjemput idea intervensi daripada orang awam yang memfokuskan kepada dua tema iaitu:

1. **Pemerksaan Komuniti:** memperkasa komuniti untuk mengatur dan memupuk perpaduan sosial, dan semangat kekitaan serta perpaduan dalam komuniti.
2. **Kesejahteraan Komuniti:** meningkatkan kebersihan dan keselamatan serta menggalakkan persekitaran yang sihat melalui intervensi bersasar.



Bersama Membentuk Bandar Berdaya Huni.

Geran ini terbuka kepada para penduduk di 10 projek perumahan awam yang ditetapkan, dan individu, kumpulan atau organisasi bukan pemastautin yang berminat untuk membawa perubahan. Projek-projek yang disokong boleh terdiri daripada berskala kecil (contohnya beberapa ribu ringgit) atau usaha berskala besar (contohnya lebih daripada RM80,000). Aktiviti yang boleh dilaksanakan termasuk pembinaan kapasiti, pengaktifan sosial, program tindakan bersama, penciptaan kandungan, dan lain-lain. Antara beberapa contoh yang boleh dilaksanakan adalah seperti menubuhkan perpustakaan, menjalankan kempen kesedaran tentang nutrisi makanan, menambahbaik ruang sosial, atau memudahkan usaha pengurusan sisa yang diterajui oleh komuniti.

Hamdan juga menekankan kepentingan bandar-bandar inklusif, menyatakan bahawa "Bandar perlulah bersifat inklusif dan untuk semua. Tanpa perspektif inklusif ini, kita berisiko mewujudkan jurang sosial yang boleh menyebabkan kepecahan dalam kalangan masyarakat. Kemudahan yang mudah diakses, perkhidmatan yang berkualiti, dan kualiti kehidupan yang tinggi adalah aspek-aspek yang amat penting bagi semua individu, termasuklah komuniti perumahan awam. Visi ini sejajar dengan Kerangka Ekonomi MADANI yang bertujuan untuk membentuk semula ekonomi, dan memastikan manfaat yang saksama untuk rakyat. Ia juga sejajar dengan misi Think City untuk membentuk bandar yang berjaya dan inklusif, memastikan semua orang, termasuk mereka yang berada di perumahan awam, mempunyai ruang mereka sendiri."

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, misi Think City adalah untuk membentuk bandar yang berdaya huni, berdaya tahan dan mampan. Organisasi ini telah berjaya menguruskan projek peremajaan bandar di seluruh Malaysia termasuk George Town, Butterworth, Johor Bahru dan Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut mengenai permohonan dan kriteria kelayakan, sila layari thinkcity.com.my.

-TAMAT-

Mengenai Think City

Think City adalah sebuah organisasi berimpak tinggi yang telah ditubuhkan pada tahun 2009. Ianya bertujuan menghasilkan pelestarian bandar yang lebih saksama demi faedah semua. Kemahiran, ilmu dan strategi Think City tertumpu kepada penyelesaian perbandaran, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad. Untuk maklumat lanjut, sila layari thinkcity.com.my.

Mengenai K2K

Dirangka oleh Think City dan diterajui oleh komuniti setempat, program Kita-untuk-Kita (K2K) bertujuan untuk meningkatkan kehidupan penduduk rumah awam. Ia memanfaatkan kepakaran kolektif dari rangkaian dan rakan kongsi kami untuk melaksanakan program yang menyeluruh dan memberi impak. K2K menyokong komuniti dan pengurusan bangunan dalam menangani cabaran sosial, ekonomi, dan fizikal secara kolaboratif dalam empat bidang utama: pemerkasaan komuniti, pengurusan bersama, penjanaan pendapatan, dan pembaharuan dasar.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Tan Sian Hoo
Pengurus, Penjenamaan dan Komunikasi
+6012 619 0044
tan.sianhoo@thinkcity.com.my

Tan Su Lin
Pengurus, Penjenamaan dan Komunikasi
+6016 221 9845
sulin.tan@thinkcity.com.my